



PUSAT KHIDMAT PARLIMEN PANDAN RAFIZI RAMLI

No. 1-16, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 55100 Kuala Lumpur
Tel: 019 2625025 | Faks: 03 92013502 | Emel: pusatkhidmatpandan@gmail.com

YB. Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia
Yang Dipertua Dewan Rakyat
Parlimen Malaysia
Bangunan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

2 November 2015



YB. Tan Sri;

PEMBERITAHU BERSURAT:

USUL UNTUK DEWAN RAKYAT MENETAPKAN HARGA SILING URUSNIAGA PEMBELIAN ASET IPP 1MDB OLEH TENAGA NASIONAL BERHAD

MENGIKUT PERATURAN 26 DAN PERATURAN 27 PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT MAJLIS DEWAN RAKYAT MALAYSIA

Saya mendoakan YB. Tan Sri diberi rahmat Allah dan mendapat petunjuk untuk mengangkat martabat Dewan Rakyat menjadi suara rakyat seperti yang diusahakan YB. Tan Sri.

2. Saya dengan ini memaklumkan kepada Dewan Rakyat secara bertulis seperti ditetapkan Peraturan 26 dan Peraturan 27 di dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat Malaysia supaya satu usul dimasukkan di dalam Aturan Mesyuarat Dewan untuk membahaskan bidaan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk membeli aset IPP yang kini dimiliki oleh 1MDB bagi tujuan menetapkan harga siling yang boleh dibayar oleh TNB.


Teks usul yang dicadangkan adalah seperti berikut:

“Bahawa Dewan ini menggesa supaya Tenaga Nasional Berhad hanya membayar jumlah yang sepadan dengan nilai pasaran aset-aset *Independent Power Producers* (IPP) yang dimiliki oleh 1MDB dan Dewan berpendapat bahawa harga siling mengikut nilai pasaran bagi aset-aset itu adalah Ringgit Malaysia Lapan Bilion (RM8,000,000,000) sahaja”.

Terjemahan:

“That this House urges Tenaga Nasional Berhad to pay the market value of the Independent Power Producers (IPP) assets it bids from 1MDB and this House is of the opinion that the ceiling price for those assets based on the current market value is Ringgit Malaysia Eight Billion (RM8,000,000,000) only”.

Yang menjalankan amanah;



HAJI RAFIZI RAMLI
Ahli Parlimen Pandan

Salinan Kepada:

Datuk Roosme Hamzah
Setiausaha Dewan Rakyat

PUSAT KHIDMAT PARLIMEN PANDAN

No. 1-16, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 55100 Kuala Lumpur
Tel: 019 2625025 | Faks: 03 92013502 | Emel: pusatkhidmatpandan@gmail.com